

TEKS UCAPAN

**PROFESOR. Ts. Sr DR. MD YUSOF HAMID
PENOLONG NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)**

**SEMPENA
PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA
ANJURAN**

**JABATAN INFRASTRUKTUR
PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR &
INFOSTRUKTUR (PPII)
DENGAN KERJASAMA
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

**29 SEPTEMBER 2023 | JUMAAT
DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, (LPU UiTM)

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA

Yang Berusaha Ir. Ts. Azman Saubiran

Pengarah Jabatan Infrastruktur

Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII)

Yang Berbahagia,

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar)

Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti & Alumni)

Pendaftar UiTM

Bendahari UiTM

Rektor Kampus, Dekan Fakulti, Pengarah, Ketua PTJ

Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur, Para pelajar dan Tuan Puan
sekalian.

[Salutasi - Kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Malaysia MADANI.**

1. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, dapat kita berkumpul dalam **Majlis Gotong-Royong Perdana** ini.

2. Saya mewakili Jabatan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur mengucapkan jutaan terima kasih kepada **Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose**, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, LPU UiTM, kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis kita pada hari ini.

3. Untuk makluman, Majlis Gotong Royong Perdana pada hari ini berlaku serentak bersama Bahagian Pengurusan Fasiliti seluruh cawangan seluruh negara. Majlis yang berlangsung pada pagi ini dapat disaksikan secara langsung melalui medium rasmi **youtube** UiTM.

4. Tahniah saya ucapkan kepada ahli jawatankuasa yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung yang telah bertungkus lumus dalam persediaan yang sangat rapi bagi menjayakan program besar ini dapat dilaksanakan dengan baik.

5. Antara objektif utama program gotong-royong perdana ini adalah:

- i. Menjadikan UiTM lebih ceria dan harmonis. Keceriaan dan kebersihan kawasan Universiti adalah penting bagi meningkatkan mutu pendidikan dan menjadikan iklim Universiti yang ceria, tenang dan selesa penting untuk mencapai visi dan misi Universiti.
- ii. Mewujudkan iklim yang kondusif, lestari serta identiti UiTM sebagai institusi yang bersih, indah, selamat dan ceria.
- iii. Melaksanakan amalan kebersihan bagi mencapai kepuasan yang maksimum.
- iv. Mewujudkan dan meningkatkan semangat kerjasama yang padu antara pelajar,

pensyarah, pentadbir dan seluruh warga Universiti dalam melaksanakan aktiviti memberi manfaat serta impak yang besar terhadap UiTM.

6. Gotong-royong perdana pada hari ini adalah gotong royong berskala besar. Kita menganggarkan 23 ribu peserta di seluruh sistem UiTM akan turut serta dan akan didaftarkan di dalam “THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS”.

7. Untuk pengetahuan semua, UiTM Green Centre (UGC) di bawah PPII memainkan peranan yang penting dalam agenda Kelestarian Universiti di peringkat universiti, masyarakat dan seterusnya peringkat global dengan bertemakan ***Greenier Life Healthier.***

8. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah menggerakkan Free Single Use Plastic (SUP) community @ UiTM Cafe. Aktiviti ini menyasarkan agar warga UiTM mengurangkan penggunaan Plastik sekali guna yang sedia maklum mengambil masa untuk

dilupuskan. Oleh itu, Warga UiTM digalakkan untuk menyemai sikap untuk membawa Bekas makanan sendiri atau Bring Your Own (BYO).

9. Selain itu, di UiTM juga mempunyai Tong kitar kain yang telah ditaja oleh rakan strategik UGC iaitu Kloth Cares Sdn. Bhd. Tong tersebut telah ditempatkan di Kolej Alam Bina & Kolej Pengajian Kejuruteraan. Seluruh warga UiTM boleh meletakkan segala jenis kain untuk dikitar semula di dalam tong tersebut.

10. UiTM Green Centre juga telah akan mewujudkan Program Free Single Use Plastic (SUP) dengan menggunakan tagline “Free Community@UiTM”. Program ini amat baik untuk UiTM

11. Adalah diharapkan melalui program ini dapat mengeratkan kerjasama warga UiTM dan memupuk semangat rasa cinta terhadap kampus.

Hadirin sekalian,

12. Sebagai makluman, Program Gotong-Royong Perdana "Kita, Kampus dan Alam" di Shah Alam akan bermula dengan Mengecat kerb dari Kolej Perindu ke MTDC dan gotong royong mengikut tugas yang telah dirancangkan serentak disemua PTJ akan bermula sejurus majlis perasmian ini dan kemudian diikuti *Soft Launch* Pusat Kitar Semula di UiTM Shah Alam.

13. Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam kejayaan penganjuran program ini. Semoga kerjasama dan komitmen yang terjalin ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang bagi menjayakan program seumpamanya.

Sekian.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.